




ISU-ISU SEMASA ICT (PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL)



AHLI KUMPULAN TUTIA:

- | | |
|----------------------------------|----------|
| 1. DEEVIYA A/P MANOGARAN | (149833) |
| 2. CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER | (145719) |
| 3. GAN YEE MIN | (148048) |
| 4. NUR IZNIE MAIZAN BINTI SAIDIN | (151221) |
| 5. NUR NAJWA BINTI CHE OMAR | (151729) |
| 6. THOR HOCK HUEY | (151406) |

MAKLUMAT AHLI (QR CODE)





Pengenalan



- **MEDIA SOSIAL TELAH MENGUBAH SECARA DRASTIK CARA ORANG BERINTERAKSI, BEKERJA, BELAJAR DAN BERKOMUNIKASI.**
- **MEDIA SOSIAL MEMBAWA PELBAGAI KEBAIKAN NAMUN MENDATANGKAN IMPLIKASI YANG NEGATIF KEPADA GENERASI Z KINI TERUTAMANYA DARI SEGI ADAB DAN ETIKA SEMASA MENGGUNAKANNYA.**
- **KEKURANGAN PENERAPAN ETIKA DAN ADAB SEMASA MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL TERSERLAH MELALUI PENGAPLIKASIAN BAHASA ROJAK, PEMAPARAN TINGKAH LAKU BERMASALAH, PENINGKATAN ANCAMAN BULI SIBER DAN KECENDERUNGAN MELAYARI PAUTAN PORNOGRAFI.**

Objektif dan Permasalahan Kajian



Objektif:

- **MENGENAL PASTI PUNCA-PUNCA PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL.**
- **MEMBINCANGKAN KESAN-KESAN PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL.**
- **MENGAJI LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYELESAIKAN ISU-ISU PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL**
- **MENELITI KEPENTINGAN PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN KETIKA MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL.**

Permasalahan Kajian:

MEDIA SOSIAL YANG MEMBENARKAN INTERAKSI INDIVIDU TANPA HAD MENYEBABKAN MUNCULNYA ISU-ISU PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL YANG MENJADI KEBIMBANGAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. SELAIN ITU, TERDAPAT FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL IAITU KEKURANGAN PENGETAHUAN DALAM DIRI PENGGUNA, FAKTOR KELUARGA, FAKTOR RAKAN SEBAYA DAN FAKTOR PERSEKITARAN. PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL JUGA MEMBAWA KESAN NEGATIF SEPERTI PERGADUHAN, KEKELIRUAN DAN PERPECAHAN ANTARA KAUM ATAU ETNIK. OLEH ITU, LANGKAH PENYELESAIAN ISU-ISU PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL HARUS DIKAJI UNTUK MENGELAKKAN PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIA DARIPADA TERUS BERLELUASA.

Borang Soal Selidik

- SOAL SELIDIK DIJALANKAN MELALUI PAUTAN GOOGLE FORM
- GOOGLE FORM DIEDARKAN MELALUI PLATFORM MEDIA SOSIAL UNTUK MENDAPATKAN RESPONDEN SECARA RAWAK.
- PENGUMPULAN DATA DAPAT DIANALISIS DENGAN MUDAH

KAEDAH YANG DIGUNAKAN



Kaedah Perpustakaan

- INTERNET SEBAGAI SUMBER KEDUA RUJUKAN KAJIAN
- PLATFORM MEDIA SOSIAL UTAMA DI MALAYSIA SEPERTI FACEBOOK, INSTAGRAM, DAN LAIN-LAIN MENJADI TUMPUAN KAJIAN




Kaedah Internet

- PERPUSTAKAAN JUGA MENJADI SUMBER KAJIAN
- BUKU-BUKU BERKAITAN TAJUK DAN KAMUS DEWAN DIRUJUK BAGI MEMBANTU KAJIAN.


DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

JANTINA




Majoriti responded adalah daripada jantina perempuan iaitu sebanyak 73.5% bersamaan 75 orang manakala minoriti responden terdiri daripada jantina lelaki iaitu sebanyak 23.3% bersamaan 24 orang.

UMUR




Sebanyak 66% iaitu seramai 68 orang responden berumur 21 sehingga 29 tahun. Responden yang berumur 18 sehingga 20 tahun mencatat sebanyak 28% iaitu 29 orang manakala sebanyak 3% iaitu 3 orang responden berumur 30 tahun ke atas.

PEKERJAAN




Majoriti responden iaitu seramai 88.9% atau 88 orang terdiri daripada pelajar diikuti seramai 4.0% dari penjawat awam dan swasta yang masing-masing terdiri daripada 4 orang responden seterusnya sebanyak 1% iaitu seorang suri rumah, 1% iaitu seorang pesara dan 1% untuk lain-lain yang merupakan pelajar lepasan spm.

KEKERAPAN PENGGUNAAN



Kekerapan penggunaan media sosial yang tertinggi adalah secara tiada had iaitu 61.6% seramai 61 orang diikuti dengan seramai 36.4% atau 36 orang menggunakan media sosial lebih 5 kali dalam sehari dan sebanyak 2% iaitu 2 orang hanya sekali dalam sehari.


PLATFORM MEDIA SOSIAL YANG DIGUNAKAN



Platform media sosial tertinggi digunakan adalah whatsapp iaitu sebanyak 67% atau 67 orang responden manakala instagram mencatat 26% atau 26 orang. Facebook sebanyak 4% atau 4 orang responden seterusnya telegram sebanyak 2% atau 2 orang dan Wechat seramai 1% atau seorang.


DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Punca penyalahgunaan media sosial




Punca individu menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk tujuan negatif mencatat peratusan setuju yang tertinggi iaitu 90.3% atau 93 orang. Manakala kedua tertinggi adalah sebanyak 83.5% iaitu 86 responden untuk kekurangan pengetahuan tentang hak sebagai seorang pengguna. Ketiga tertinggi adalah punca perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru iaitu seramai 78.6% atau 81 responden. Diikuti punca zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin luas seramai 76.7% atau 79 orang memilih setuju dan mencatat nilai tertinggi untuk pilihan tidak pasti iaitu seramai 13.6% atau 14 responden. Seterusnya punca pengawasan yang ketat oleh ibu bapa terhadap penggunaan media sosial anak-anak mencatat jumlah tidak setuju yang tertinggi iaitu 58.4% atau 60 responden.

Kesan penyalahgunaan media sosial




Kesan penyalahgunaan media sosial tertinggi yang dipilih oleh 94% atau 94 orang responden adalah penyebaran fitnah dan gosip luar. Diikuti oleh kesan menjejaskan nama baik, reputasi serta akhlak individu seramai 91% atau 91 responden. Kesan ketiga tertinggi adalah lalai akan tanggungjawab diri iaitu seramai 76% atau 76 responden. Manakala kesan yang mencatat peratus yang terendah adalah meningkatkan kenalan yang ramai iaitu seramai 8% atau 8 responden.

Langkah-langkah menyelesaikan isu penyalahgunaan media sosial



Langkah yang mencatat peratus tertinggi adalah masyarakat perlu mempunyai disiplin diri dan jati diri yang baik yang mencatat 99% atau 99 responden. Kedua tertinggi adalah langkah menganjurkan kempen kesedaran dan langkah kesedaran sivik perlu dipertingkatkan dengan pengamalan konsep 3R iaitu Research, Responsibility serta Report yang mencatat sebanyak 99% atau 98 responden. Manakala langkah yang mencatat jumlah yang terendah adalah peranan ibu bapa bukan antara langkah untuk mengawasi penggunaan media sosial anak-anak yang mencatat sebanyak 54% atau 54 responden memilih salah.

Kepentingan etika & peradaban ketika menggunakan media sosial




Kepentingan tertinggi yang dipilih responden adalah mengekalkan keharmonian dan kasih sayang iaitu sebanyak 99% atau 99 responden. . Kedua, diikuti 97% atau 96 rpsonden memilih mencegah diri daripada melakukan sindiran dan penghinaan sebagai kepentingan. Lambang keperibadian unggul seseorang adalah kepentingan ketiga dipilih 89% atau 89 responden. Seterusnya, hanya 37% atau 37 responden merasakan bahawa menggalakkan perbalahan, kebencian, fitnah dan keganasan. bukan kepentingan penghayatan etika dan peradaban. Akhir sekali, jumlah tidak bersetuju paling tinggi adalah merobohkan ikatan persahabatan sebagai sebahagian daripada kepentingan. dengan 70% atau 70 responden.



KESIMPULAN

- Ibu bapa milenial perlu mengambil perhatian dalam mendidik golongan muda hari ini dalam penggunaan media sosial secara beretika dan berdisiplin.
- Langkah proaktif perlu diambil oleh masyarakat dan kerajaan dengan mengambil tanggungjawab memberi kesedaran kepada anak-anak muda kini tentang penggunaan media sosial secara beretika supaya menggunakan platform ini secara berhemah pada masa hadapan.



RUJUKAN

Esa, M. S., Sansalu, D., & Mohd Tamring, B. A. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Fauzi, N. (2017). *Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan*. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.

Razali, N. A., Hera, N., Jasmi, K. A., Razali, N. A., Hera, N., & Jasmi, K. A. (2019). *Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam*. In *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia*.

